

# KEBE- BASAN HAKIM: IKRAR PM

**KUALA LUMPUR, Selasa —** Bidang kehakiman di negara ini bebas menghakimi sebarang perundangan yang menyalahi undang-undang tanpa sebarang keraguan atau pilih kasih, sejajar dengan Perlembagaan dan undang-undang negara, demikian tegas Perdana Menteri, Datuk Seri **Dr. Mahathir Mohamad** hari ini.

Katanya, Kerajaan sentiasa menghormati kebebasan tersebut dan tidak mengharapkan mahkamah sentiasa menyokong atau menentang Kerajaan, sebaliknya hendaklah menyokong sepenuhnya Perlembagaan dan undang-undang.

Perdana Menteri memberi jaminan bahawa Kerajaan selalu mengambil kira Perlembagaan dan undang-undang negara sebelum mengambil sesuatu tindakan.

"Kita mestilah menghormati keputusan yang dibuat oleh mahkamah, bagaimanapun hak membuat undang-undang mestilah oleh badan penggubal undang-undang," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Persatuan Undang-undang ASEAN (ALA) ketiga di sini hari ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau sendiri akan memastikan keperluan bidang kehakiman seperti tenaga kerja dan kemudahan fizikal dipenuhi bagi membolehkannya mentadbir keadilan dengan segera dan berkesan.

## Pindaan

Selanjutnya, beliau memberitahu, Kerajaan akan menjalankan tugasnya dengan setia sebagaimana yang diperuntukan dalam Perlembagaan, di samping menghormati hak-hak yang dijamin olehnya untuk pelbagai komponen Persekutuan, pihak minoriti, warganegara dan dalam setengah kes, bukan warganegara.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, oleh kerana Perlembagaan itu tidak terlepas dari kesilapan, ia boleh dipinda untuk menyesuainya dengan peradaran masa.

"Tetapi syarat-syarat untuk pindaan adalah ketat sehingga ia tidak boleh diubah mengikut sesuka hati," ujarnya.

Katanya lagi, oleh kerana beliau mempercayai ketinggian Perlembagaan, satu Perlembagaan bertulis adalah penting dalam sebuah persekutuan, terutama yang mempunyai penduduk berbilang bangsa, agama dan kebudayaan.

"Dengan itu, setiap orang bukan sahaja mereka dalam Kerajaan, mesti menghormati dan menegakkannya," tegasnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan, tidak seorang pun yang tidak boleh disentuh oleh undang-undang walaupun mereka yang berkuasa. Sebaliknya mereka yang memegang kuasa adalah penjaga amanah dan tanggungjawab mereka ialah membuat kebaikan kepada orang ramai, bukan kepentingan sendiri.

Mengenai undang-undang yang melibatkan perhubungan perdagangan antara negara-negara ASEAN, Perdana Menteri menegaskan, undang-undang yang berlainan hendaklah diselaraskan untuk kepentingan perdagangan Intra ASEAN.

Beliau berharap, dengan penyelarasan undang-undang itu, masalah yang berkaitan dengan perdagangan dapat diatasi, bukan sahaja antara negara ASEAN bahkan di seluruh dunia.